





KERAJAAN MALAYSIA

ARAHAN PERBENDAHARAAN



PINDAAN 2023



ARAHAN PERBENDAHARAAN

(PINDAAN 2023)


Hakcipta Terpelihara

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada:

Setiausaha
Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat
Kementerian Kewangan Malaysia
Aras 6, Blok Selatan
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 5, Persiaran Perdana
Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 Putrajaya

Naskah jualan boleh diperoleh daripada:
www.pnmb2u.com

Naskah ini juga boleh dimuat turun di:
www.mof.gov.my



PNMB

DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2023
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel: 03-92366888 Faks: 03-92224773

ARAHAN PERBENDAHARAAN

KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENDAHULUAN	iii
TAKRIFAN	1
BAB A - TATACARA KEWANGAN	
I - PENDAHULUAN.....	7
(i) Kuasa Dan Kawalan Perbelanjaan	7
(ii) Kumpulan Wang Disatukan	13
II - ANGGARAN	15
(i) Anggaran Hasil Dan Anggaran Perbelanjaan	15
(ii) Anggaran Perbelanjaan Modal Atau Projek Pembangunan	17
(iii) Pindah Peruntukan Dan Anggaran Tambahan	19
BAB B - TATACARA PERAKAUNAN	
I - MENGAWAL TERIMAAN, BAYARAN DAN MENYIMPAN WANG AWAM	21
(i) Am	21
(ii) Terimaan	24
(iii) Bayaran	37
(iv) Emolumen Dan Pencen	49
(v) Panjar	50
(vi) Kebankrapan	52
(vii) Cek, Draf Bank Dan Pindahan Dana Elektronik	52
(viii) Peti Besi Atau Bilik Kebal	55
(ix) Pengangkutan Wang Tunai	60
II - PERAKAUNAN	61
(i) Am	61
(ii) Penyelenggaraan Akaun	63
(iii) Deposit	68
(iv) Akaun Amanah	69
(v) Tatacara Pengendalian Akaun Amanah	72

III - TATACARA PEROLEHAN BEKALAN, PERKHIDMATAN DAN KERJA.....	73
(i) Am.....	73
(ii) Perolehan Bekalan	80
(iii) Perolehan Kerja	84
(iv) Perolehan Perkhidmatan Perunding	90
(v) Perolehan Perkhidmatan Bukan Perunding.....	92
(vi) Lembaga Perolehan	94
(vii) Proses Perolehan	95
(viii) Perkakasan Dan Perisian ICT/Peralatan Pejabat.....	103
(ix) Percetakan Borang Dikawal	103
IV - TATACARA PENGURUSAN ASET AWAM.....	105
V - TATACARA PERAKAUNAN PENGURUSAN	106
 BAB C - AUDIT, KEHILANGAN DAN TATACARA HAPUS KIRA	
I - AUDIT	107
II - KEHILANGAN DAN HAPUS KIRA	111
LAMPIRAN	119
INDEKS	125

PENDAHULUAN

1. Arahan Perbendaharaan yang pertama telah diterbitkan pada tahun 1966 dalam versi Bahasa Inggeris. Beberapa semakan dan penambahbaikan telah dibuat pada tahun 1970, 1997 dan 2008. Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023) ini dikeluarkan bagi menggantikan Arahan Perbendaharaan bertarikh 31 Julai 2008.
2. Pendahuluan ini bukan merupakan sebahagian daripada Arahan Perbendaharaan. Pendahuluan ini mencerakinkan perkara-perkara penting dalam Arahan Perbendaharaan sebagai panduan kepada Pegawai Awam amnya dan Pegawai Perakaunan khususnya.
3. Semakan semula Arahan Perbendaharaan ini telah dibuat secara kolektif melalui penglibatan pelbagai pihak berkepentingan bagi memastikan tata kelola dan pelaksanaan pengurusan kewangan Kerajaan adalah teratur dan lancar seiring dengan keperluan dasar pendigitalan sektor awam, penetapan akauntabiliti pegawai awam yang jelas dan perkembangan semasa sistem perakaunan. Arahan Perbendaharaan ini perlu dibaca bersama-sama dengan Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa atau apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia dari semasa ke semasa.
4. Seksyen 4 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] memperuntukkan bahawa ***tiap-tiap Pegawai Perakaunan adalah tertakluk kepada Akta ini dan hendaklah menjalankan apa-apa kewajipan menyenggara buku dan menyediakan akaun yang ditetapkan oleh atau di bawah Akta ini atau oleh arahan-arahan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan mengenai perkara tatacara kewangan dan perakaunan yang tidak bertentangan dengannya:***

Dengan syarat bahawa seorang Pegawai Perakaunan Negeri adalah di samping itu tertakluk kepada apa-apa arahan Pihak Berkuasa Kewangan Negeri yang tidak bertentangan dengan yang tersebut di atas.

5. Berasaskan seksyen 4 [Akta 61], Arahan Perbendaharaan ini menerangkan tatacara kewangan dan perakaunan yang perlu dipatuhi oleh semua Pegawai Pengawal atau Pegawai Yang Diberi Kuasa (di mana berkaitan) yang bertanggungjawab bagi perkara-perkara berikut:
 - (i) memungut, menerima atau mengakaun Wang Awam;
 - (ii) membelanja atau membayar apa-apa Wang Awam; dan
 - (iii) menerima, menyimpan, mengeluarkan, melupus, menghapus kira dan mengakaun Aset Awam (kecuali tanah dalam Persekutuan dan Negeri).
6. Arahan Perbendaharaan ini dibahagikan kepada tiga (3) bab iaitu Bab A – Tatacara Kewangan; Bab B – Tatacara Perakaunan; dan Bab C – Audit, Kehilangan dan Tatacara Hapus Kira.

7. **Bab A - TATACARA KEWANGAN** menjelaskan tatacara mengenai penetapan kuasa oleh Badan Perundangan bagi perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta bagaimana perbelanjaan itu (selepas peruntukan diluluskan oleh Badan Perundangan) dilakukan, tertakluk selanjutnya kepada kawalan Perbendaharaan. Ia juga menerangkan tatacara mengenai pindah peruntukan dan anggaran tambahan peruntukan. Bab ini juga menerangkan kebertanggungjawaban Pegawai Pengawal terhadap pengurusan dan kawal selia dalaman mengenai Wang Awam dan Aset Awam. Tujuan bab ini adalah untuk menjelaskan dan bukan menggantikan apa-apa peruntukan Perlembagaan dan undang-undang, sekiranya didapati apa-apa pertentangan antara Arahan ini dengan peruntukan Perlembagaan dan undang-undang itu, maka peruntukan Perlembagaan dan undang-undang itu akan diguna pakai.
8. **Bab B - TATACARA PERAKAUNAN** dibahagikan kepada lima (5) seksyen seperti berikut:
- (i) Seksyen I - Mengawal Terimaan, Bayaran dan Menyimpan Wang Awam;
 - (ii) Seksyen II - Perakaunan;
 - (iii) Seksyen III - Tatacara Perolehan Bekalan, Perkhidmatan dan Kerja;
 - (iv) Seksyen IV - Tatacara Pengurusan Aset Awam; dan
 - (v) Seksyen V - Tatacara Perakaunan Pengurusan.
- 8.1. Seksyen I menjelaskan peraturan mengenai kawalan dalaman terhadap pengurusan terimaan dan bayaran serta penyimpanan Wang Awam adalah terletak di bawah tanggungjawab Pegawai Pengawal.
- 8.2. Seksyen II menghuraikan kebertanggungjawaban Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Akauntan Negara, Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri/Akauntan Negeri dalam perkara-perkara mengenai tatacara perakaunan.
- 8.3. Seksyen III menyenaraikan tatacara perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja secara umum. Perincian arahan berkaitan perkara ini telah dimansuhkan dan nombor Arahan Perbendaharaan juga disusun semula bagi memudahkan rujukan secara lebih sistematik. Arahan Perbendaharaan berkaitan perolehan hendaklah dibaca bersama-sama dengan Pekeliling Perbendaharaan dan/atau peraturan lain yang berkuat kuasa.
- 8.4. Seksyen IV adalah peruntukan baharu yang menerangkan tatacara pengurusan Aset Awam secara terperinci mengenai Kuasa Am dan Kuasa Khusus Perbendaharaan serta menjelaskan tanggungjawab

Pegawai Pengawal dan Pegawai Perakaunan mengenai pengurusan Aset Awam.

8.5. Seksyen V adalah peruntukan baharu yang menghuraikan tanggungjawab Pegawai Pengawal dan Pegawai Perakaunan mengenai pelaksanaan Perakaunan Pengurusan.

9. **Bab C - AUDIT KEHILANGAN DAN TATACARA HAPUSKIRA** menegaskan tanggungjawab Pegawai Pengawal berkenaan:

- (i) perbelanjaan, pemungutan, penyimpanan dan perakaunan yang sepatutnya mengenai Wang Awam;
- (ii) penyimpanan, pelupusan dan perakaunan yang sepatutnya mengenai Aset Awam di bawah jagaan mereka; dan
- (iii) Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Awam dan keterangan kepada Jawatankuasa Akaun Awam.

Bab ini juga menjelaskan tatacara yang perlu dipatuhi sekiranya berlaku apa-apa Kehilangan atau sekiranya tatacara perakaunan yang telah ditetapkan tidak dipatuhi. Di mana perlu, tindakan surcaj hendaklah diambil terhadap pegawai-pegawai yang bertanggungjawab ke atas sesuatu Kehilangan.

10. Semua pegawai awam perlu memahirkan diri dengan Arahan Perbendaharaan dan memastikan Arahan Perbendaharaan sentiasa dipatuhi sepenuhnya dalam mengurus tadbir kewangan dan perakaunan Kerajaan secara cekap, telus dan berintegriti serta kebertanggungjawaban yang tinggi.

PERBENDAHARAAN MALAYSIA
PUTRAJAYA
24 Februari 2023

ARAHAN PERBENDAHARAAN

1. Arahan ini dikeluarkan oleh Perbendaharaan di bawah kuasa seksyen 4 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] mengenai kawalan dan pengurusan kewangan awam serta tatacara kewangan dan perakaunan yang mengikat semua Pegawai Perakaunan bagi Persekutuan dan bagi Negeri-negeri dalam Malaysia. Arahan Perbendaharaan ini hendaklah dibaca bersama Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa atau apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.
2. Keputusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan adalah muktamad bagi apa-apa tafsiran mengenai Arahan ini.

TAKRIFAN

3. Berikut adalah senarai takrif istilah yang digunakan dalam Arahan ini:

Akaun Bank Kerajaan bermaksud akaun Kerajaan di bank dan institusi kewangan yang diluluskan oleh Perbendaharaan atau Pihak Berkuasa Kewangan Negeri.

Akaun Belum Bayar adalah obligasi/komitmen Kerajaan bagi barangan, perkhidmatan, kerja, pinjaman, bayaran pindahan dan lain-lain yang telah diterima dan sepatutnya dibayar tetapi masih belum dibayar pada tarikh pelaporan. Akaun Belum Bayar terdiri daripada baki yang terhutang atau obligasi kepada pemiutang dagangan, pemiutang runcit dan pemiutang lain.

Akaun Belum Terima adalah amaun yang sepatutnya diterima tetapi belum diterima oleh Kerajaan yang wujud daripada peristiwa lalu berasaskan kepada bil atau melalui dasar, perjanjian atau keputusan Kerajaan yang berkuat kuasa.

Akauntan Negara merupakan akauntan utama bagi Kerajaan Persekutuan yang mempunyai kuasa dalam perkara mengenai dasar dan tatacara perakaunan berkenaan dengan akaun Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

Akauntan Negeri/Bendahari Negeri ialah pegawai utama bagi Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab kepada Pegawai Kewangan Negeri bagi tatacara perakaunan Perbendaharaan Negeri tertakluk kepada kuasa Akauntan Negara tentang perkara-perkara mengenai dasar dan tatacara perakaunan.

Aset Awam yang mempunyai pengertian seperti di bawah seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] termasuk semua aset yang dimiliki atau dikawal masing-masing oleh Persekutuan atau Negeri merangkumi antara lain Aset Tak Alih, Aset Alih, Aset Biologi, Aset Tak Ketara, Inventori/Stok atau aset-aset lain yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa berkenaan kecuali pengurusan, pemilikan dan pelupusan tanah Persekutuan dan Negeri.

Aset Kerajaan adalah terdiri daripada Aset Awam dan Wang Awam yang dimiliki atau dikawal masing-masing oleh Persekutuan atau Negeri.

Bayaran terdahulu adalah bayaran yang dibuat untuk tempoh akan datang tetapi telah dijelaskan dalam tempoh perakaunan semasa.

Emolumen adalah segala saraan dalam bentuk wang yang kena dibayar kepada seseorang pegawai awam termasuklah gaji pokok, imbuhan tetap dan komponen berubah.

Jawatankuasa Akaun Awam bermaksud Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara bagi Kerajaan Persekutuan dan Jawatankuasa Kira-kira Kerajaan Negeri bagi Kerajaan Negeri yang ditubuhkan oleh Badan Perundangan Negeri yang berkenaan.

Kehilangan ertinya suatu kehilangan Aset Kerajaan disebabkan oleh kecurian, kebakaran, kemalangan, bencana alam, kesusutan, penipuan atau kecuaian pegawai, kekurangan, bayaran terlebih, pembayaran tanpa kuasa, hutang dan hasil yang gagal dikutip serta perbelanjaan yang sia-sia.

Kehilangan Persekutuan ertinya suatu kehilangan yang hendaklah ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan tidak kira sama ada dihilangkan oleh suatu Jabatan Persekutuan atau Jabatan Negeri dan lazimnya melibatkan:

- (a) Aset Kerajaan yang dimiliki, dikawal atau diamanahkan kepada Kerajaan Persekutuan; atau
- (b) wang yang telah atau yang akan ditentukan pada akhirnya diakaunkan sebagai hasil, perbelanjaan atau wang amanah Persekutuan.

Kehilangan Negeri ertinya suatu kehilangan yang hendaklah ditanggung oleh suatu Kerajaan Negeri dan *mutatis mutandis* takrif “Kehilangan Persekutuan” hendaklah lazimnya dipakai.

Kemudahan Bayaran Pukal adalah suatu kemudahan bayaran bil secara berpusat bagi suatu tempoh untuk tahun kewangan semasa. Pembayaran dibuat oleh Pejabat Perakaunan.

Ketua Akauntan Kementerian adalah akauntan utama bagi Kementerian termasuk apa-apa gelaran jawatan yang setara dengannya yang bertanggungjawab kepada Pegawai Pengawalnya dan tertakluk kepada kuasa Akauntan Negara dalam perkara mengenai tatacara perakaunan.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan adalah pegawai kewangan utama dalam Kerajaan Persekutuan yang mempunyai kuasa tentang perkara mengenai tatacara kewangan serta perakaunan Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Dalam Arahan ini, istilah Ketua Setiausaha Perbendaharaan termasuklah seseorang pegawai Perbendaharaan yang bertindak bagi pihak Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

Ketua Jabatan adalah termasuk ketua sesuatu sektor, bahagian atau cawangan di peringkat Ibu Pejabat atau perwakilan luar negeri atau ketua jabatan wilayah, bahagian, cawangan, daerah, daerah kecil atau pejabat di peringkat Negeri.

Kumpulan Wang Disatukan bermakna Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan dan Kumpulan Wang Disatukan Negeri yang mempunyai pengertian seperti di bawah Fasal (1) dan (2) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan. Kumpulan Wang Disatukan adalah terdiri daripada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan sebagaimana menurut seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

Kumpulan Wang Luar Jangka mempunyai pengertian seperti di bawah Perkara 103 Perlembagaan Persekutuan dan diwujudkan di bawah subseksyen 11(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

Lembaga Pemeriksa adalah dilantik untuk memeriksa, menyemak dan membuat laporan mengenai Aset Kerajaan dalam simpanan dan/atau kawalan seseorang pegawai awam.

Menteri Besar atau Ketua Menteri termasuk apa-apa gelaran jawatan yang setara dengannya, mempunyai tafsiran yang sama seperti di bawah seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

Panjar adalah sejumlah wang apungan yang diperuntukkan dalam Kumpulan Wang Disatukan yang digunakan untuk pendahuluan perbelanjaan untuk tujuan memudahkan perbelanjaan tertentu yang diluluskan oleh Akauntan Negara/Akauntan Negeri atas kebenaran Ketua Setiausaha Perbendaharaan/Pihak Berkuasa Kewangan Negeri untuk mengadakan Panjar tersebut.

- (a) [Dimansuhkan]
- (b) [Dimansuhkan]
- (c) [Dimansuhkan]
- (d) **Panjar Unit** adalah pendahuluan khas kepada Pegawai Memerintah termasuk pegawai yang diberi kuasa, walau apa jua pangkatnya yang memerintah sesuatu unit dalam pasukan tentera bagi membayar perbelanjaan semasa menjalankan perkhidmatan termasuk pembayaran Emolumen.
- (e) **Panjar Wang Runcit** adalah sejumlah wang tunai yang diberi kepada Pegawai Perakaunan untuk membolehkannya membuat pembayaran kecil yang segera dan perbelanjaan runcit tanpa mempertanggungkannya terlebih dahulu kepada sesuatu Maksud Perbelanjaan. Pembayaran adalah berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa.

- (f) **Panjar Khas** adalah wang yang diperuntukkan dalam Kumpulan Wang Disatukan yang digunakan untuk memudahkan perbelanjaan bagi tujuan khas dan oleh itu tidak dipertanggungjawabkan dalam akaun sebagai perbelanjaan. Wang yang dikeluarkan oleh Akauntan Negara, Ketua Akauntan Kementerian atau Bendahari Negeri/Akauntan Negeri sebagai Panjar hendaklah diwujudkan dan diakaunkan di bawah akaun Panjar yang berasingan atas nama jawatan pemegang Panjar yang berkenaan, yang mana hendaklah dijelaskan apabila Panjar itu ditutup.
- (g) **Panjar Luar Negeri** adalah sejumlah wang apungan yang diperuntukkan dalam Kumpulan Wang Disatukan yang digunakan untuk memudahkan perbelanjaan berkala di luar negeri dalam mata wang asing dan oleh itu tidak dipertanggungjawabkan dalam akaun sebagai perbelanjaan. Wang yang dikeluarkan oleh Akauntan Negara, Ketua Akauntan Kementerian atau Bendahari Negeri/Akauntan Negeri sebagai Panjar hendaklah diwujudkan dan diakaunkan di bawah akaun Panjar yang berasingan atas nama jawatan pemegang Panjar yang berkenaan, yang mana hendaklah dijelaskan apabila Panjar itu ditutup.

Pegawai Kewangan Negeri ialah Pihak Berkuasa Kewangan Negeri dan pegawai utama yang menjaga hal ehwal kewangan sesuatu Negeri tertakluk kepada kuasa Ketua Setiausaha Perbendaharaan mengenai perkara dasar, tatacara kewangan dan perakaunan. Bagi Negeri Sabah, Pegawai Kewangan Negeri bererti Setiausaha Tetap, Kementerian Kewangan Sabah manakala bagi Negeri Sarawak, Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak.

Pegawai Pembayar ialah pegawai yang sebenarnya menerima penetapan kuasa untuk membuat bayaran daripada Wang Awam.

Pegawai Perakaunan yang mempunyai pengertian seperti di bawah seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] iaitu setiap pegawai awam yang bertanggungjawab bagi perkara seperti yang berikut:

- (a) memungut, menerima atau mengakaun atau yang sebenarnya memungut, menerima atau mengakaun terimaan Wang Awam; atau
- (b) membelanja/membayar atau yang sebenarnya membelanja/membayar atau mengakaun perbelanjaan Wang Awam; atau
- (c) menerima, menyimpan, mengeluarkan, melupus atau mengakaun Aset Awam atau yang sebenarnya menerima, memegang, mengeluarkan atau melupus Aset Awam kecuali pemilikan dan pelupusan tanah Persekutuan dan Negeri.

Pegawai Perakaunan bertanggungjawab mengakaun semua transaksi kewangan dengan teratur dan tepat selaras dengan piawaian perakaunan sektor awam, Pekeliling Perbendaharaan dan peraturan yang berkuat kuasa.

Pegawai Perakaunan Negeri ialah Pegawai Perakaunan yang ditugaskan oleh Pihak Berkuasa Kewangan Negeri bagi mengendalikan Aset Kerajaan bagi sesuatu Negeri.

Pegawai Pengawal ialah pegawai yang dilantik oleh Menteri Kewangan atau Menteri Besar/Ketua Menteri di bawah seksyen 15A Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi setiap tujuan perbelanjaan yang diperuntukkan bagi mana-mana tahun kewangan dalam Anggaran Perbelanjaan. Pegawai Pengawal bertanggungjawab untuk mengawal perbelanjaan bagi maksud yang ditetapkan tertakluk kepada arahan oleh Perbendaharaan bagi maksud Persekutuan dan Pihak Berkuasa Kewangan Negeri bagi maksud Negeri.

Pejabat Perakaunan adalah merujuk kepada Bahagian Akaun Kementerian dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri/Cawangan bagi Kerajaan Persekutuan manakala bagi Kerajaan Negeri yang merujuk kepada pejabat Bendahari Negeri/Akauntan Negeri.

Pemegang Waran Peruntukan adalah merujuk kepada Ketua Jabatan yang telah menerima penetapan kuasa daripada Pegawai Pengawal untuk menguruskan waran peruntukan di bawah Arahan Perbendaharaan 11.

Pemungut ialah pegawai yang berdasarkan kepada jawatannya atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau peraturan bertulis adalah bertanggungjawab untuk memungut wang bagi pihak Kerajaan.

Perakaunan pengurusan adalah satu (1) mekanisma berstruktur yang mengenalpasti, mengukur, menganalisis, mentafsir dan menyampaikan maklumat yang diperlukan kepada pembuat keputusan untuk mengawal perbelanjaan, membuat perancangan strategik dan mengukur prestasi perkhidmatan.

Perbendaharaan mempunyai pengertian seperti di bawah seksyen 8 Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [Akta 388] iaitu merujuk kepada Menteri Kewangan dan termasuklah mana-mana pegawai awam di bawah kawalan pentadbirannya atau arahnya yang telah diwakilkan kuasa untuk bertindak bagi pihak Menteri Kewangan yang dibuat menurut seksyen 6 atau 7 Akta Perwakilan Kuasa 1956 [Akta 358] untuk menjalankan fungsinya di bawah Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

Perbendaharaan Kecil adalah Pejabat Perakaunan yang mewakili Perbendaharaan bagi menjalankan tugas Perbendaharaan termasuk Perbendaharaan Kecil di Sabah dan Sarawak yang terletak di mana-mana tempat wilayah, bandar, daerah atau pekan.

Perbendaharaan Tempatan adalah pejabat Perbendaharaan Malaysia, Perbendaharaan Malaysia Sabah dan Perbendaharaan Malaysia Sarawak.

Perolehan bermaksud perolehan bekalan, perkhidmatan atau kerja atau mana-mana kombinasi bekalan, perkhidmatan dan kerja. Bagi perolehan yang dilaksanakan secara Kerjasama Awam Swasta (*Public Private*

Partnership – PPP) adalah tertakluk kepada arahan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Unit Kerjasama Awam Swasta.

Piawaian perakaunan sektor awam adalah piawaian yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia yang menetapkan dasar perakaunan yang diguna pakai oleh Kerajaan untuk tujuan perakaunan dan pelaporan.

Pihak Berkuasa Kewangan Negeri ialah pegawai utama yang bertanggungjawab mengenai perkara kewangan bagi sesuatu Negeri.

Resit Rasmi adalah sebarang bentuk akuan terimaan wang daripada orang awam termasuk dalam bentuk lesen, tiket, borang yang mana amaun bayaran tetap ditulis atau dicetak padanya atau melalui media elektronik.

Simpanan Luar Jangka mempunyai pengertian seperti di bawah seksyen 6 Akta Wang Pembangunan 1966 [Akta 406] yang digunakan untuk Maksud Pembangunan.

Suruhanjaya Perkhidmatan yang berkenaan ertinya Suruhanjaya Perkhidmatan atau Pihak Berkuasa Tatatertib lain yang mempunyai bidang kuasa tatatertib dan surcaj ke atas seseorang pegawai awam.

Wang Awam mempunyai pengertian seperti di bawah seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] dan termasuklah wang tunai dan kesetaraan tunai serta semua instrumen kewangan Kerajaan.

BAB A - TATACARA KEWANGAN

I - PENDAHULUAN

(i) KUASA DAN KAWALAN PERBELANJAAN

4. Yang di-Pertuan Agong sebagai tampuk kuasa pemerintahan Persekutuan, adalah dipertanggungjawabkan dengan pengurusan segala hasil Persekutuan dan dengan segala pembayaran bagi perkhidmatan awam Persekutuan. Pada menjalankan kewajipan ini, Yang di-Pertuan Agong adalah bertindak menurut nasihat Jemaah Menteri dan melalui perantaraan Perbendaharaan, iaitu melalui jawatan Menteri yang telah diberi kuasa eksekutif yang utama tentang perkara mengenai kewangan oleh Badan Perundangan. Tiada cukai atau kadar boleh dilevikan kecuali melalui atau di bawah kuasa undang-undang dan tiada perbelanjaan boleh dilakukan tanpa mendapat kuasa Badan Perundangan terlebih dahulu.
5. Yang di-Pertuan Agong melalui Menteri Kewangan dari semasa ke semasa memberitahu Badan Perundangan akan keperluan kewangan Kerajaan. Badan Perundangan pula membenarkan apa-apa perbelanjaan sebagaimana yang dikehendaki untuk memenuhi permintaan ini dan juga mengadakan, dengan cara menguntukkan hasil yang didapati daripada cukai dan punca-punca lain, kaedah dan cara bagi menampung perbelanjaan yang telah dibenarkan olehnya itu. Dengan demikian Kerajaan meminta wang, dan Badan Perundangan memberikannya; tetapi Badan Perundangan tidak memperuntukkan wang melainkan jika dikehendaki oleh Kerajaan dan ia juga tidak mengenakan atau menambah cukai, melainkan jika pencukaian itu perlu bagi perkhidmatan awam, sebagaimana yang diisytiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong melalui Menteri yang bertanggungjawab.
6. Badan Perundangan menjalankan pengawalan atas perbelanjaan Kerajaan seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan bahawa:
 - (a) segala hasil daripada apa-apa punca jua pun hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan dan tiada apa-apa pembayaran boleh dibuat daripada Kumpulan Wang itu, kecuali apabila peruntukan sebanyak yang ditetapkan bagi maksud-maksud yang tertentu telah dibenarkan oleh undang-undang;
 - (b) apa-apa wang yang telah diperuntukkan bagi sesuatu maksud yang khusus hendaklah diserahkan balik kepada Kumpulan Wang Disatukan sekiranya tidak dibelanjakan bagi maksud tersebut dalam tempoh yang dibenarkan baginya; dan
 - (c) akaun awam hendaklah diperiksa oleh Ketua Audit Negara dan laporannya hendaklah dibentangkan dalam Dewan Badan Perundangan yang berkenaan.
7. Untuk memastikan supaya hal ehwal kewangannya dijalankan dengan teratur mengikut kehendak Badan Perundangan, Menteri Kewangan menurut

subseksyen 15A (1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] boleh melantik Pegawai Pengawal bagi setiap Maksud Perbelanjaan (sebagaimana yang disenaraikan dalam Akta Perbekalan) tertakluk kepada apa-apa arahan yang dibuat oleh Perbendaharaan. Pegawai Pengawal hendaklah menjalankan pengawalan perbelanjaan yang berhemat di Kementerian/Jabatan dan juga bertanggungjawab ke atas semua perkara mengenai tatacara kewangan dan perakaunan, termasuk tatacara bagi memungut, menyimpan dan membayar Wang Awam dan tatacara bagi membeli, menyimpan dan melupuskan Aset Awam.

8. Bagi sesuatu Negeri, Raja atau Yang di-Pertua Negeri dengan nasihat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan bertindak melalui Menteri Besar atau Ketua Menteri dan Pihak Berkuasa Kewangan Negeri, sebagai tampuk kuasa pemerintahan Negerinya, mempunyai perhubungan dengan Badan Perundangan Negeri pada mendapatkan peruntukan bagi perkhidmatan awam Negeri serupa seperti perhubungan yang ada bagi Persekutuan, dan Badan Perundangan Negeri menjalankan pengawalan yang serupa atas perbelanjaan yang dibenarkan. Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa, tertakluk kepada rundingan dengan Majlis Kewangan Negara, kuasa penuh bagi mengadakan dan mengatur tatacara kewangan dan perakaunan berkenaan dengan Wang Awam dan Aset Awam Persekutuan dan Negeri adalah terletak pada Persekutuan dan tidak pada Negeri. Oleh yang demikian, sungguhpun penggunaan Wang Awam Negeri bagi maksud-maksud Negeri yang tertentu adalah suatu perkara semata-mata bagi Badan Perundangan Negeri dan Kerajaan Negeri, tetapi tatacara kewangan dan perakaunan yang dipakai pada melaksanakan maksud-maksud itu mestilah tidak bertentangan dengan undang-undang Persekutuan atau dengan mana-mana arahan yang diberi oleh Perbendaharaan.

Pegawai Perakaunan

9. Seseorang pegawai yang ada urusan berkenaan dengan Wang Awam atau Aset Awam adalah seorang Pegawai Perakaunan dalam erti seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Istilah ini hendaklah dipakai bagi Ketua Jabatan atau bagi pegawai bawahannya apabila mereka menguruskan Wang Awam atau Aset Awam, sebagaimana juga dipakai bagi akauntan dan pegawai kewangan.

Pegawai Pengawal

10. Pegawai Perakaunan yang tertentu yang diberi tugas menjaga pada amnya Wang Awam yang diperuntukkan di bawah sesuatu maksud anggaran adalah dinamakan Pegawai Pengawal bagi maksud itu. Semua Pegawai Pengawal Persekutuan adalah dilantik oleh Menteri Kewangan dan semua Pegawai Pengawal Negeri oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri. Pelantikan itu dinyatakan dengan mencetak nama jawatan Pegawai Pengawal bagi setiap satu (1) maksud Anggaran Perbelanjaan berseparatan dengan setiap Maksud Perbelanjaan itu.

Pegawai Pengawal bertanggungjawab mengawal perbelanjaan di bawah Maksud Perbelanjaan (sebagaimana yang disenaraikan dalam Akta Perbekalan) tertakluk kepada apa-apa arahan yang dibuat oleh Perbendaharaan. Pegawai Pengawal juga bertanggungjawab kepada pengurusan dan kawal selia dalaman mengenai segala Wang Awam yang dipungut, diterima atau dibelanjakan dan semua Aset Awam yang diterima, disimpan atau dilupuskan oleh atau untuk Kementerian/Jabatan atau perkhidmatan yang baginya maksud anggaran itu diperuntukkan.

11. (a) Kewajipan kewangan dan perakaunan bagi pegawai yang bekerja di bawah seseorang Pegawai Pengawal hendaklah dinyatakan dengan jelas olehnya, dan khususnya setakat mana mereka itu dibenarkan menjalankan bagi pihaknya, tugas-tugas yang menjadi tanggungjawabnya hendaklah dinyatakan dengan bertulis.
 - (b) Sekiranya berlaku sesuatu luar aturan, Pegawai Pengawal sepatutnya boleh menentukan dengan mudah pegawai yang bertanggungjawab; jika tidak, Pegawai Pengawal mungkin perlu mengganti apa-apa Kehilangan. Ada kemungkinan dalam sesuatu Kementerian/Jabatan yang besar, Pegawai Pengawal menjalankan sedikit sahaja atau tidak langsung menjalankan kerja-kerja kewangan sehari-hari tetapi arahan-arahan yang tetap bagi Kementerian/Jabatannya atas perkara itu mestilah diluluskan olehnya sendiri dan sama ada arahan-arahan itu memberi kesan atau tidak hendaklah sentiasa menjadi tanggungjawab Pegawai Pengawal.
12. Mana-mana Pegawai Pengawal boleh dipanggil ke hadapan Jawatankuasa Akaun Awam yang ditubuhkan oleh Badan Perundangan yang berkenaan untuk menimbangkan Laporan Ketua Audit Negara mengenai akaun awam, dan boleh dikehendaki membantu Jawatankuasa itu dalam penyiasatannya mengenai mana-mana hal perbelanjaan yang membazir, tidak memungut hasil, atau mana-mana perbelanjaan yang dilakukan tanpa kebenaran dalam Kementerian/Jabatan di bawah kawalan kewangannya.

Kawalan Perbelanjaan Wang Awam Persekutuan

13. Kawalan Perbendaharaan atas perbelanjaan Wang Awam Persekutuan oleh Pegawai Pengawal hendaklah dijalankan seperti berikut:

- (a) **Merangka dan mengemukakan cadangan kepada Perbendaharaan**

Setiap cadangan yang melibatkan perbelanjaan Wang Awam Persekutuan atau yang ada kaitan kewangan hendaklah dikemukakan kepada Perbendaharaan sebelum diluluskan oleh Kerajaan. Cadangan itu boleh dikemukakan sama ada dalam masa menyediakan Anggaran Tahunan, apabila seluruh rancangan perbelanjaan bagi tahun itu dikaji atau sebagai suatu perkara khas pada bila-bila masa dalam tahun itu. Cadangan seperti itu tidak akan dipertimbangkan oleh Jemaah Menteri melainkan pandangan Perbendaharaan telah didapati terlebih dahulu.

(b) Pelaksanaan atau pentadbiran sesuatu program/projek

Selepas sesuatu program/projek diluluskan oleh Badan Perundangan dan pengeluaran Wang Awam bagi membiayainya dibenarkan menurut undang-undang, tanggungjawab utama atas pelaksanaan atau pengurusanya dengan berdasarkan ekonomi yang sepatutnya dalam segala hal adalah terletak pada Pegawai Pengawal. Jika pembaziran atau ketirisan berlaku berhubung dengan pelaksanaan sesuatu program/projek maka Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab ke atasnya. Perbendaharaan boleh juga pada waktu tertentu menjalankan sesuatu pengawalan yang berpadanan pada peringkat ini; misalnya, dengan menghendaki ia dirunding atas soal yang melibatkan pemilihan, antaranya berkaitan cara-cara yang berlainan kosnya, dan supaya sentiasa diberitahu tentang perjalanan perbelanjaan mengenai sesuatu program/projek dan dengan mengadakan pemeriksaan. Sesuatu permintaan untuk mendapat peruntukan tambahan bagi menampung perbelanjaan yang tidak dijangka tentang anggaran kos sesuatu program/projek mungkin akan membawa kepada pemeriksaan lengkap selanjutnya oleh Perbendaharaan sebelum permohonan itu diluluskan.

(c) Pemantauan

Satu (1) Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun hendaklah ditubuhkan oleh Pegawai Pengawal untuk mengawal, mengesan dan menyelia semua urusan kewangan dan akaun supaya berjalan lancar dan menepati kehendak Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Arahan Perbendaharaan, Pekeliling Perbendaharaan dan peraturan yang berkuat kuasa.

(d) Laporan Ketua Audit Negara

Apabila Laporan Ketua Audit Negara diterima, Perbendaharaan akan menyiasat apa-apa perkara yang dibangkitkan di dalamnya bagi maksud membantu Jawatankuasa Akaun Awam dalam menimbangkan Laporan itu dan juga bagi maksud memperbaiki keadaan pada masa hadapan. Mengikut peruntukan Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] Perbendaharaan akan mengesyorkan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang berkenaan mengenai perkara yang mungkin melibatkan surcaj atau tindakan tatatertib terhadap seseorang pegawai awam. Mengenai Negeri-negeri, kawalan yang serupa boleh dijalankan oleh Pegawai Kewangan Negeri tertakluk kepada apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.

Waran

14. Kebenaran yang diperlukan sebelum sesuatu perbelanjaan boleh dibayar dari Kumpulan Wang Disatukan adalah terdiri pertamanya daripada suatu Akta Parlimen atau suatu Enakmen Badan Perundangan Negeri. Kebenaran ini kemudiannya hendaklah disampaikan kepada Akauntan Negara atau Bendahari Negeri/Akauntan Negeri dengan suatu waran yang ditandatangani oleh Menteri Kewangan atau Menteri Besar atau Ketua Menteri, mengikut mana yang berkenaan, yang membenarkan pengeluaran Wang Awam sebanyak yang dikehendaki untuk menampung perbelanjaan yang diluluskan oleh undang-undang.

Perbelanjaan Tanggungan

15. Perbelanjaan Tanggungan adalah suatu perbelanjaan yang diperuntukkan oleh undang-undang khusus yang menurutnya perbelanjaan tahunan itu adalah dipertanggungjawabkan kepada Kumpulan Wang Disatukan dan dalam hal yang demikian tidaklah perlu perbelanjaan itu dibenarkan dengan undang-undang baharu setiap tahun untuk mengeluarkan wang sebanyak yang diperlukan bagi menampung perbelanjaan sesuatu perkhidmatan yang dipertanggungjawabkan kepada Kumpulan Wang Disatukan. Kod Maksud Perbelanjaan yang mengandungi peruntukan bagi perkhidmatan seumpama ini adalah dikenali dengan huruf T.

Maksud Anggaran Perbelanjaan

16. Semua perkhidmatan kecuali yang dipertanggungjawabkan kepada Kumpulan Wang Disatukan hendaklah diperuntukkan pada setiap tahun oleh suatu undang-undang perbekalan. Jika peruntukan tambahan diperlukan, ia hendaklah diperuntukkan melalui suatu undang-undang Perbekalan Tambahan. Suatu undang-undang Perbekalan membenarkan Kerajaan membelanjakan Wang Awam hingga sebanyak yang dinyatakan bagi setiap maksud yang disenaraikan dalam Jadualnya yang bersamaan dengan tajuk maksud Anggaran Perbelanjaan yang dibentangkan dalam Badan Perundangan yang berkenaan. Kod maksud anggaran ini adalah dikenali dengan huruf B.

Vot-Masuk Akaun/Vot Kredit

17. Dua (2) cara yang boleh digunakan dalam keadaan khas untuk membenarkan perbelanjaan bagi suatu tahun kewangan adalah melalui:
 - (a) suatu undang-undang yang membenarkan suatu “vot-masuk akaun” iaitu sejumlah wang yang boleh dipertanggungjawabkan kepada perbelanjaan yang dinyatakan dalam Anggaran Perbelanjaan sebelum lulus suatu Undang-Undang Perbekalan sebelum permulaan tahun kewangan. Undang-Undang itu boleh diluluskan oleh Parlimen atau suatu Badan Perundangan Negeri; dan
 - (b) suatu undang-undang yang membenarkan suatu “vot kredit” iaitu sejumlah wang yang diberi tanpa merujuk kepada Anggaran

Perbelanjaan yang boleh digunakan oleh Kerajaan, mengikut budi bicaranya untuk menampung belanja perkhidmatan tertentu yang keperluannya tidak dapat diramalkan dengan tepat oleh sebab-sebab khas. Cara ini hanya boleh digunakan oleh Parlimen dan ia tidak boleh digunakan oleh Badan Perundangan Negeri. Lazimnya, cara ini digunakan hanya dalam tempoh darurat.

18. (a) Suatu Undang-Undang Perbekalan tidak mengikat Kerajaan untuk membelanjakan kesemua peruntukan yang diluluskan dan tidak mengehendkan perbelanjaan kepada Program, Aktiviti atau Projek tertentu yang ditunjukkan dalam Anggaran Perbelanjaan tertakluk perbelanjaan itu tidak melebihi jumlah yang dibenarkan bagi setiap Maksud Perbelanjaan. Menteri Kewangan atau Menteri Besar/Ketua Menteri boleh mengenakan apa-apa syarat yang perlu dalam setiap satu (1) jenis perbelanjaan dengan menjadikan Anggaran Perbelanjaan itu tertakluk kepada warannya dan mengarahkan Akauntan Negara atau Bendahari Negeri/Akauntan Negeri, mengikut mana yang berkenaan membuat pembayaran menurut jenis perbelanjaan Program, Aktiviti atau Projek itu dan apa-apa arahan khas yang dinyatakan oleh Menteri Kewangan atau Menteri Besar/Ketua Menteri.
- (b) Kebenaran yang diberi oleh suatu waran boleh diubah pada bila-bila masa oleh Menteri Kewangan atau Menteri Besar/Ketua Menteri dan suatu peruntukan yang telah dibenarkan boleh kemudiannya ditarik balik, dikurangkan atau dikenakan syarat.
19. [Dimansuhkan]
20. Jika suatu tambahan dibuat kepada suatu Program, Aktiviti atau Projek yang sedia ada atau mengadakan suatu jenis perbelanjaan baharu melalui pindah peruntukan mungkin membangkitkan teguran, sama ada oleh sebab besarnya lebihan itu atau kerana perbelanjaan yang dicadangkan itu melibatkan dasar baru/*one-off* yang tidak diambil kira pada masa Anggaran Perbelanjaan dibentangkan, maka Kerajaan, selepas memutuskan bahawa perbelanjaan itu adalah perlu, hendaklah mendapatkan kebenaran Badan Perundangan walaupun perbelanjaan itu boleh dibayar kesemuanya atau sebahagiannya daripada penjimatan. Dalam hal yang demikian, Badan Perundangan tidak boleh diminta untuk memperuntukkan wang tambahan bagi membayar kesemua perbelanjaan yang dicadangkan itu, kerana ini akan menyebabkan penjimatan itu boleh digunakan untuk perbelanjaan selanjutnya dan juga tidak akan memberi suatu gambaran sebenar mengenai kedudukan belanjawan. Tatacara yang dibenarkan ialah dengan membentangkan suatu anggaran tambahan yang menunjukkan setakat mana cadangan itu boleh dibayar daripada penjimatan dan memasukkan dalam Undang-undang Perbekalan Tambahan itu hanya amaun tambahan yang sebenarnya dikehendaki. Jika kesemuanya boleh dibayar daripada penjimatan, maka token sebanyak RM10 hendaklah diminta dan amaun penjimatan yang diperuntukkan itu hendaklah ditunjukkan sebagai RM10 kurang daripada jumlah wang yang dikehendaki bagi membayar lebihan itu.

Kumpulan Wang Luar Jangka/Simpanan Luar Jangka

21. Jika didapati bahawa wang yang diperuntukkan bagi tahun yang berkenaan di bawah sesuatu Maksud Bekalan dan Maksud Pembangunan tidak mencukupi atau bahawa suatu maksud baru dikehendaki, atau bahawa kebenaran perundangan dikehendaki bagi pindah peruntukan yang besar atau patut diambil perhatian, suatu Anggaran Tambahan hendaklah dibentangkan dan wang tambahan yang dikehendaki di bawah setiap satu (1) maksud itu diperuntukkan dalam Undang-undang Perbekalan Tambahan. Jika perbelanjaan tambahan itu dikehendaki dengan segera sebelum Undang-undang Perbekalan Tambahan itu diluluskan, maka peruntukan yang diperlukan itu boleh diperolehi daripada Kumpulan Wang Luar Jangka atau Simpanan Luar Jangka yang mana berkenaan, atau sekiranya ada penjimatan, ia boleh diperolehi sebahagiannya daripada Kumpulan Wang Luar Jangka atau Simpanan Luar Jangka, yang mana berkenaan dan sebahagian lagi melalui pindah peruntukan.

(ii) KUMPULAN WANG DISATUKAN

22. Segala hasil atau wang yang diperolehi atau diterima dengan apa cara sekali pun oleh Persekutuan atau suatu Negeri hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan bagi Persekutuan atau Kumpulan Wang Disatukan bagi Negeri itu, mengikut mana yang berkenaan. Selain hasil yang diperolehi dalam Akaun Hasil Disatukan, Kerajaan juga boleh memegang wang sebagai amanah bagi maksud-maksud tertentu atau wang sebagai pinjaman yang kena dibayar balik. Penerimaan dan pembayaran wang itu adalah diperolehi ke dalam akaun lejar khas dalam Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan mengikut mana yang berkenaan. Segala wang lain adalah diperolehi ke dalam Akaun Hasil Disatukan, iaitu akaun am penerimaan dan pembayaran bagi Kumpulan Wang Disatukan.

Wang Amanah

23. Wang amanah boleh dibahagikan kepada kategori yang berikut:
- (a) Wang Awam yang Kerajaan tidak berhak mendapat faedah sebagai empunya tetapi yang diterimanya sebagai pemegang amanah bagi yang empunya. Wang itu boleh termasuk:
 - (i) Kumpulan Wang Amanah yang telah ditubuhkan oleh undang-undang atau oleh surat cara amanah yang menetapkan bahawa Kerajaan atau seseorang Menteri atau pegawai awam hendaklah menyimpan kumpulan wang itu;
 - (ii) Deposit yang diterima dari orang awam berhubung dengan prosiding mahkamah, permohonan tanah, perbekalan air, kontrak atau urusan-urusan awam yang lain; dan
 - (iii) Apa-apa wang pelbagai yang diamanahkan kepada seseorang

pegawai awam tertakluk kepada kuasa yang diberi menerusi jawatannya.

- (b) Wang Awam yang Kerajaan berhak mendapat faedah sebagai empunya, tetapi yang telah diperuntukkan oleh Badan Perundangan bagi maksud-maksud suatu kumpulan wang tertentu yang ditubuhkan di bawah Perlembagaan, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] atau undang-undang lain. Kumpulan Wang Amanah itu adalah termasuk:
 - (i) Kumpulan Wang Pusingan yang digunakan bagi memberi pinjaman atau pendahuluan atau bagi mengendalikan akaun barang-barang stor belum diuntuk atau akaun woksyp atau sesuatu akaun perniagaan;
 - (ii) Kumpulan Wang Perbelanjaan yang daripadanya pembayaran muktamad boleh dibuat. Kumpulan Wang seperti ini adalah biasanya dikawal oleh suatu undang-undang khas; dan
 - (iii) Wang amanah yang terdiri dari lebih daripada satu (1) sumber, contohnya, sebahagiannya mungkin dibayar oleh orang awam dan sebahagian lagi diperbekalkan melalui peruntukan hasil Kerajaan atau kumpulan wang pinjaman. Demikian juga, sesetengah Kumpulan Wang Amanah boleh digunakan untuk membuat pembayaran yang boleh didapatkan balik dan yang muktamad.
- 24. Apa-apa wang, sama ada wang hasil atau wang pinjaman, yang telah diperuntukkan oleh undang-undang bagi maksud sesuatu Kumpulan Wang Amanah mestilah mula-mulanya didebit kepada Akaun Hasil Disatukan atau Akaun Pinjaman Disatukan, mengikut mana yang berkenaan, menurut kuasa waran yang berkaitan di bawah seksyen 13 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], yang membenarkan pengeluaran jumlah wang itu daripada Kumpulan Wang Disatukan, dan kemudiannya dikredit kepada akaun amanah yang ditubuhkan bagi Kumpulan Wang Amanah yang berkenaan dalam Akaun Amanah Disatukan.
- 25. Apabila wang yang diperakaun dalam Akaun Amanah Disatukan digunakan bagi menyempurnakan maksud sesuatu Kumpulan Wang Amanah, maka wang itu tidaklah lagi menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan dan ia adalah diperakaun sebagai ambilan walaupun ia dikeluarkan bukan sebagai perbelanjaan muktamad tetapi sebagai pinjaman atau pendahuluan yang kena dibayar balik kepada Kumpulan Wang Amanah yang berkenaan. Bahagian-bahagian daripada aset Kumpulan Wang Amanah yang boleh pada bila-bila masa dikira sebagai sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan, iaitu wang yang merupakan lebihan terimaan daripada bayaran akaun amanah yang berkenaan. Bagaimanapun, lain-lain aset yang dipegang di luar Kumpulan Wang Disatukan, seperti pinjaman, pendahuluan dan stok dalam tangan boleh ditunjukkan dalam penyata aset dan tanggungan Kumpulan Wang Amanah

yang berkaitan dengan akaun amanah itu.

26. Ambilan yang kena dipertanggungjawabkan kepada sesuatu akaun amanah mestilah tidak melebihi jumlah wang yang dikredit kepada akaun itu.
27. Jika sesuatu undang-undang atau sesuatu surat cara amanah ada memperuntukkan, maka wang yang menjadi sebahagian daripada baki kredit yang dipegang bagi pihak sesuatu Kumpulan Wang Amanah boleh dilaburkan dan faedahnya dikredit kepada kumpulan wang itu dalam Akaun Amanah Disatukan. Seksyen 4 Akta Pemegang Amanah 1949 [Akta 208] memberi kuasa kepada seseorang pemegang amanah untuk melaburkan wang amanah dengan cara-cara tertentu yang disenaraikan di dalamnya, dan jika pemegang amanah bagi mana-mana wang yang diperakaun dalam Akaun Amanah Disatukan memutuskan hendak menggunakan kuasa ini atau apa-apa lagi kuasa tertentu berkaitan dengan amanah yang berkenaan itu, maka pendapatan yang diterima daripada pelaburan yang dibuat itu dan hasil jualan mana-mana pelaburan itu mestilah dikredit kepada akaun amanah yang berkenaan. Perbelanjaan berkaitan dengan pelaburan itu akan dipertanggungjawabkan terus kepada akaun amanah tersebut. Selain daripada itu, semua wang dalam Kumpulan Wang itu pada keseluruhannya dan apa-apa pendapatan yang didapati daripada melaburkannya adalah dikredit kepada Akaun Hasil Disatukan sebagai sebahagian dari hasil am.

Pelaburan Wang Lebihan

28. Tertakluk kepada apa-apa keputusan Kerajaan mengenai dasar, wang lebihan yang ada pada kredit Kumpulan Wang Disatukan boleh dilaburkan dengan apa-apa cara yang ditetapkan menurut subseksyen 8(3) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], untuk mendapatkan pendapatan atau keuntungan sebaik-baiknya, selaras dengan perlunya memastikan bahawa wang itu boleh diperoleh apabila dikehendaki. Wang yang dilaburkan sedemikian dan apa-apa wang Panjar yang diberi kepada Kementerian/Jabatan adalah menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan dan tidak diperakaunkan sebagai ambilan.

II - ANGGARAN

(i) ANGGARAN HASIL DAN ANGGARAN PERBELANJAAN

Penyediaan Anggaran

29. Penyediaan Anggaran Persekutuan dan Anggaran Negeri hendaklah disediakan masing-masing oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Pegawai Kewangan Negeri. Anggaran Persekutuan dan Anggaran Negeri adalah Anggaran Hasil yang akan dipungut dan Anggaran Perbelanjaan dalam tempoh tahun kewangan berikutnya. Pegawai Pengawal hendaklah menyediakan Anggaran Hasil dan Anggaran Perbelanjaan berdasarkan perancangan strategik Kementerian/Jabatan dan agensinya mengikut arahan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan mengenai garis panduan bagi penyediaan belanjawan tahunan.

30. [Dimansuhkan]

Pemeriksaan Draf Anggaran Permulaan

31. Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri boleh meminta Pegawai Pengawal bersama-sama untuk memeriksa butir-butir draf Anggaran Permulaan berdasarkan perancangan strategik dan mempersetujui apa-apa pengubahsuaian yang perlu. Sekiranya persetujuan tidak dicapai, maka perkara itu hendaklah dilaporkan kepada Menteri Kewangan atau Menteri Besar/Ketua Menteri untuk mendapatkan suatu keputusan. Peringkat selanjutnya dalam meluluskan Anggaran Akhir untuk dikemukakan kepada Badan Perundangan hendaklah diatur mengikut kesesuaian.
32. Anggaran itu hendaklah disertakan dengan huraian mengenai setiap objek perbelanjaan yang bersifat luar biasa dan apa-apa perbezaan yang besar di bawah setiap satu (1) objek perbelanjaan antara perbelanjaan yang dicadangkan atau hasil yang dijangka dengan Anggaran yang diluluskan bagi tahun sebelumnya.

Anggaran Hasil

33. Anggaran Hasil hendaklah disediakan supaya menunjukkan seberapa tepat yang boleh, amaun sebenarnya yang dijangka akan dikutip pada tahun kewangan berkenaan. Tertakluk kepada apa-apa pengecualian yang diluluskan secara khas oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri, Anggaran Hasil hendaklah termasuk terimaan Kumpulan Wang Disatukan selain yang diperakaunkan dalam Akaun Pinjaman Disatukan atau Akaun Amanah Disatukan.

Anggaran Perbelanjaan

34. Anggaran Perbelanjaan hendaklah disediakan supaya menunjukkan seberapa tepat yang boleh, amaun sebenar yang dijangka akan dibelanjakan pada tahun kewangan berkenaan.

Maksud Perbelanjaan

35. Setiap Maksud Perbelanjaan hendaklah diperincikan mengikut Program dan Aktiviti serta Kod Objek Am.

Objek Perbelanjaan Emolumen

- 36 (a) Objek perbelanjaan Emolumen dalam Anggaran Perbelanjaan hendaklah menunjukkan bilangan jawatan awam yang diberi saraan bulanan sebagaimana yang dibenarkan bagi Program dan Aktiviti itu dan jumlah anggaran Emolumen yang akan dibayar bagi jawatan itu dalam tahun kewangan itu. Bilangan jawatan awam itu tidak termasuk apa-apa jawatan atau pelantikan sementara yang baginya Perbendaharaan boleh dalam hal-hal tertentu membenarkan pembayaran Emolumen dibuat daripada peruntukan yang lain

daripada butiran Emolumen, dan tidak juga termasuk kakitangan sementara yang tersebut dalam Arahan Perbendaharaan 45 yang akan dibayar daripada suatu Maksud Pembangunan.

- (b) Nama jawatan, kod gaji dan butir-butir lain mengenai jawatan awam sebagaimana dibenarkan di bawah Maksud Perbelanjaan hendaklah ditunjukkan berasingan dalam suatu senarai yang menjadi lampiran kepada Anggaran Perbelanjaan. Nama-nama jawatan dan elaun tidak berpcen hendaklah dibezakan daripada jawatan berpcen dengan kaedah yang bersesuaian.
37. Jika peruntukan dimasukkan bagi kakitangan sementara dan tambah sentara dengan Emolumen bulanan, maka catatan itu hendaklah menunjukkan jumlah bilangan jawatan yang dibenarkan. Jawatan itu hendaklah ditunjukkan di bawah Emolumen.
38. Peruntukan bagi pembayaran elaun tetap, sumbangan berkanun untuk kakitangan (termasuk caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja) dan elaun-elaun lain yang kena dibayar bagi mana-mana kakitangan yang tidak dibayar daripada Emolumen hendaklah dibuat di bawah kod perbelanjaan daripada mana Emolumen dibayar.
39. [Dimansuhkan]
40. [Dimansuhkan]
41. (a) Program dan Aktiviti baharu tidak boleh diwujudkan kecuali dengan kelulusan Perbendaharaan. Pegawai Pengawal hendaklah mematuhi Program dan Aktiviti yang disediakan oleh Perbendaharaan.
- (b) Kod penjenisan hasil dan perbelanjaan baharu tidak boleh diwujudkan kecuali dengan kelulusan Akauntan Negara/Bendahari Negeri. Pegawai Pengawal hendaklah mematuhi kod penjenisan hasil dan perbelanjaan yang disediakan oleh Akauntan Negara/Bendahari Negeri.
42. [Dimansuhkan]

***(ii) ANGGARAN PERBELANJAAN MODAL ATAU PROJEK PEMBANGUNAN**

*(Arahan Perbendaharaan 43 hingga 47 mengandungi hanya prinsip-prinsip asas kewangan yang berkaitan dengan Anggaran Perbelanjaan Modal. Bagi Rancangan Pembangunan Lima Tahun, arahan-arahan lengkap yang berasingan dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi atau Perbendaharaan sebagaimana yang dikehendaki).

Anggaran Pembangunan

43. Bagi perbelanjaan pembangunan jika projek itu akan mengambil masa lebih daripada satu (1) tahun untuk disempurnakan, peruntukan yang dimasukkan ke dalam Anggaran Pembangunan bagi suatu tahun itu tidak boleh lebih

daripada amaun wang yang dijangka akan dibelanjakan dalam tahun itu. Walau bagaimanapun, hendaklah juga ditunjukkan jumlah anggaran harga projek, jumlah anggaran Rancangan Lima Tahun semasa, amaun sebenarnya yang telah dibelanjakan setakat mana akaunnya telah disempurnakan dan amaun yang dijangka akan dibelanjakan pada tahun semasa dan maklumat perancangan strategik.

44. Jika Badan Perundangan telah membuat peruntukan bagi menubuhkan suatu kumpulan wang khas yang darinya perbelanjaan bagi projek pembangunan akan dibayar, maka suatu ringkasan rancangan mengenai perbelanjaan yang dicadangkan di bawah setiap satu (1) butiran yang dimasukkan dalam Anggaran Pembangunan bagi kumpulan wang itu hendaklah dikemukakan oleh Pegawai Pengawal kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi atau Pegawai Kewangan Negeri dan Pengarah Unit Perancang Pembangunan/Ekonomi Negeri, mengikut mana yang berkenaan. Kecuali setakat mana yang dipersetujui pada masa itu, Pegawai Pengawal tidak boleh kemudiannya menyimpang daripada butir projek itu tanpa merujuk kepada Perbendaharaan dan Unit Perancang Ekonomi atau Pihak Berkuasa Kewangan Negeri dan Unit Perancang Pembangunan/Ekonomi Negeri.
